

**KAITAN ANTARA PENGLIBATAN REMAJA DI
PUSAT REMAJA LUAR WAKTU
PERSEKOLAHAN DENGAN
KEMAKMURAN:SATU KAJIAN KES TENTANG
KAFF@TEEN DI PULAU PINANG**

NUR ASHIKIN BINTI SOBRI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**KAITAN ANTARA PENGLIBATAN REMAJA DI
PUSAT REMAJA LUAR WAKTU
PERSEKOLAHAN DENGAN
KEMAKMURAN:SATU KAJIAN KES TENTANG
KAFF@TEEN DI PULAU PINANG**

oleh

NUR ASHIKIN BINTI SOBRI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Sarjana Sains Kemasyarakatan**

Oktober 2020

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin Allah, saya dapat menyambung pengajian di peringkat sarjana. Sepanjang tempoh pengajian ini, jutaan terima kasih saya ingin ucapkan kepada penyelia utama iaitu Profesor Dr. Intan Hashimah Mohd Hashim kerana telah menjadi pembimbing yang sangat baik dan penyanyang. Jutaan terima kasih juga ditujukan buat penyelia bersama iaitu Dr Mohd Taufik Mohammad kerana memainkan peranan dan berusaha keras dalam membantu saya. Tidak dilupakan juga kepada ibu bapa saya iaitu Puan Rosni Jamaludin dan Encik Sobri Safar di atas doa dan sokongan sepanjang tempoh saya menyambung pengajian ini. Saya juga berterima kasih kepada adik beradik dan ahli keluarga terdekat yang sentiasa menyokong saya. Seterusnya, ucapan terima kasih saya tujukan kepada sahabat saya yang setia mendengar luahan hati saya dan tidak putus-putus memberikan kata-kata semangat iaitu Siti Nur Fatin Zuikafly dan Nur Jaeizatun Faeizah Ramli. Buat kawan-kawan yang sama-sama menyambung pengajian di bawah jagaan Profesor Dr. Intan Hashimah, jutaan terima kasih juga saya ucapkan di atas kesudian berkongsi ilmu dan pengalaman. Akhir sekali, penghargaan ini saya dedikasikan buat diri saya. Perjalanan pengajian sarjana ini penuh dengan onak duri dan liku-liku yang tidak dapat digambarkan. Perjalanan yang lebih lama ini tidak bermakna saya gagal, malah masa mengajar saya untuk lebih mengenal diri sendiri, orang di sekeliling dan menilai harga ilmu dengan lebih baik. Percaya, yakin dan bersyukur dengan ketentuan dan ketetapan Allah akan menjadikan kita manusia yang lebih baik dari hari ke hari.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pengenalan	1
1.3 Pernyataan masalah	5
1.4 Objektif kajian	8
1.5 Persoalan kajian	9
1.6 Skop kajian	10
1.7 Kepentingan kajian	10
1.8 Definisi Konseptual	11
1.8.1 Remaja	11
1.8.2 Pusat Remaja Kafe@TEEN	12
1.8.3 Penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan	14
1.8.4 Kemakmuran	14
1.8.5 Aktiviti-aktiviti kreatif	15
1.8.6 Keterikatan sosial	16
1.9 Definisi Operasional	17
1.9.1 Remaja	17

1.9.2	Pusat Remaja Kafe@TEEN	17
1.9.3	Penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan	17
1.9.4	Kemakmuran	18
1.9.5	Aktiviti – aktiviti kreatif	19
1.9.6	Keterikatan sosial	20
1.10	Rumusan	20
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	21
2.1	Pendahuluan	21
2.2	Konsep kemakmuran	21
2.2.1	Teori Kesejahteraan	29
2.2.2	Kemakmuran dalam kalangan remaja	33
2.3	Pengukuran Kemakmuran	36
2.4	Pemboleh ubah berkaitan kemakmuran	40
2.4.1	Pemboleh ubah personal	40
2.4.2	Pemboleh ubah biologi	44
2.4.3	Pemboleh ubah sosial	45
2.5	Aktiviti masa senggang dengan kemakmuran	49
2.5.1	Aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran	53
2.5.2	Keterikatan sosial dengan kemakmuran	55
2.6	Aktiviti masa senggang – Penglibatan di pusat remaja	58
2.7	Kajian kes di Kafe@TEEN.....	62
2.8	Kerangka Konseptual	63
2.9	Rumusan	65

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	67
3.1	Pendahuluan	67
3.2	Reka Bentuk kajian	67
3.3	Pensampelan kajian	68
3.4	Instrumen kajian	71
3.4.1	Bahagian A: Demografi	72
3.4.2	Bahagian B: Penglibatan remaja di Kafe@TEEN, Pulau Pinang	72
3.4.3	Bahagian C: Aktiviti – aktiviti kreatif	73
3.4.4	Bahagian D: Keterikatan sosial	73
3.4.5	Bahagian E: Kemakmuran	74
3.5	Prosedur pengumpulan data	75
3.6	Analisis data	78
3.6.1	Statistik deskriptif	78
3.6.2	Statistik inferensi	80
3.7	Kajian rintis	82
3.7.1	Responden Kajian Rintis	83
3.7.1(a)	Jantina	83
3.7.1(b)	Kaum	84
3.7.1(c)	Umur	84
3.7.1(d)	Pendidikan	85
3.7.1(e)	Cara menjadi sahabat Kafe@TEEN	85
3.7.2	Prosedur Kajian Rintis	86
3.7.3	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	88
3.8	Rumusan Kajian Rintis	89

3.9	Rumusan	90
BAB 4	ANALISIS DATA	91
4.1	Pendahuluan	91
4.2	Analisis Deskriptif Demografi Responden	91
4.2.1	Jantina	92
4.2.2	Kaum	92
4.2.3	Umur	93
4.2.4	Pendidikan	93
4.2.5	Cara menjadi sahabat Kafe@TEEN	94
4.3	Analisis deskriptif pemboleh ubah utama	95
4.4	Analisis hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran	96
4.5	Analisis Kolerasi Hubungan antara Aktiviti-aktiviti Kreatif dengan Kemakmuran	97
4.6	Analisis Kolerasi Hubungan antara Keterikatan Sosial dengan Kemakmuran	97
4.7	Peranan aktiviti-aktiviti kreatif sebagai pengantara dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran.....	97
4.8	Peranan keterikatan sosial sebagai pengantara dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran.....	98
4.9	Rumusan	99
BAB 5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	101
5.1	Pendahuluan	101
5.2	Ringkasan dapatan kajian	101

5.3	Perbincangan dapatan kajian	102
5.3.1	Hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran	102
5.3.2	Hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran	107
5.3.3	Hubungan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran	109
5.3.4	Peranan aktiviti-aktiviti kreatif sebagai pengantara dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran	110
5.3.5	Peranan keterikatan sosial sebagai pengantara dalam hubungan Antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran	112
5.4	Implikasi kajian kepada teori dan praktis	113
5.5	Limitasi Kajian	115
5.6	Cadangan kajian akan datang.....	116
	RUJUKAN	119
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	Jumlah Kafe@TEEN mengikut negeri di Malaysia	14
Jadual 2.1	Peratusan persamaan di antara empat konsep kemakmuran yang berbeza	24
Jadual 2.2	Persamaan dan perbezaan empat konsep kemakmuran	26
Jadual 3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	70
Jadual 3.2	Jumlah item borang soal selidik	71
Jadual 3.3	Nombor Soalan bagi Setiap Ciri-ciri positif The EPOCH Measure of Adolescent Well-being	75
Jadual 3.4	Borang yang diedarkan mengikut umur	76
Jadual 3.5	Nilai Skor Min mengikut Kategori Pemboleh ubah tidak bersandar..	79
Jadual 3.6	Nilai Skor Min mengikut Kategori Pemboleh ubah bersandar	80
Jadual 3.7	Nilai Pekali Kolerasi	81
Jadual 3.8	Ringkasan Analisis Data	82
Jadual 3.9	Taburan Responden Kajian Rintis Mengikut Jantina	83
Jadual 3.10	Taburan Responden Kajian Rintis Mengikut Kaum	84

Jadual 3.11	Taburan Responden Kajian Rintis Mengikut Umur	84
Jadual 3.12	Taburan Responden Kajian Rintis Mengikut Pendidikan	85
Jadual 3.13	Taburan Responden Mengikut Cara Menjadi Sahabat Kafe@TEEN	86
Jadual 3.14	Analisis Alpha Cronbach	89
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	92
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Kaum	92
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	93
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Pendidikan	93
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Cara Menjadi Sahabat Kafe@TEEN	94
Jadual 4.6	Analisis Tahap Pemboleh ubah tidak bersandar	95
Jadual 4.7	Analisis Tahap Pemboleh ubah bersandar	95
Jadual 4.8	Analisis Kolerasi Antara Penglibatan Remaja di Pusat Remaja Luar waktu persekolahan dengan Kemakmuran.....	96
Jadual 4.9	Analisis Kolerasi Antara Aktiviti-aktiviti kreatif dengan Kemakmuran	97
Jadual 4.10	Analisis Kolerasi Antara Keterikatan sosial dengan Kemakmuran ..	97

Jadual 4.11	Analisis Bootstrapping Peranan Aktiviti-aktiviti kreatif sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Penglibatan Remaja di Pusat Remaja Luar waktu persekolahan dengan Kemakmuran	98
Jadual 4.12	Analisis Bootstrapping Peranan Keterikatan Sosial sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Penglibatan Remaja di Pusat Remaja Luar waktu persekolahan dengan Kemakmuran	99
Jadual 4.13	Jadual Dapatan Kajian Mengikut Objektif Kajian	101

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Kerangka kajian	63
Rajah 3.1	Cara Pengiraan Skor Min Pemboleh ubah tidak bersandar	79
Rajah 3.2	Cara Pengiraan Skor Min Pemboleh ubah bersandar	79

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	SOAL SELIDIK
LAMPIRAN B	SIJIL KELULUSAN ETIKA

**KAITAN ANTARA PENGLIBATAN REMAJA DI PUSAT REMAJA
LUAR WAKTU PERSEKOLAHAN DENGAN KEMAKMURAN:SATU
KAJIAN KES TENTANG KAFE@TEEN DI PULAU PINANG**

ABSTRAK

Salah satu inisiatif kerajaan bagi membantu golongan remaja untuk berkembang dengan baik ialah dengan penubuhan pusat remaja luar waktu persekolahan seperti Kafe@TEEN. Pusat remaja seumpama ini berpotensi meningkatkan kemakmuran dalam kalangan remaja tetapi keberkesanannya belum banyak dikaji. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran, dengan berfokuskan kepada Kafe@TEEN di Pulau Pinang sebagai satu kajian kes. Selain itu, kajian ini turut mengkaji hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial dengan kemakmuran. Hal ini bertujuan mengenal pasti peranan aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial sebagai pengantara dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran. Data kajian ini telah dikumpul secara keratan rentas menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik yang diedarkan kepada responden mempunyai lima bahagian iaitu demografi, penglibatan di Kafe@TEEN, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kreatif, keterikatan sosial dan kemakmuran. Seramai 132 orang remaja yang merupakan ahli pusat remaja Kafe@TEEN, Pulau Pinang berumur 13 sehingga 18 tahun telah terlibat dalam kajian ini. Mereka dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang rendah dan signifikan antara penglibatan remaja di Kafe@TEEN dengan kemakmuran. Walaubagaimanapun, hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran adalah tidak konsisten

dengan kajian lepas yang mana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini. Seiring dengan kajian lepas, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana dan signifikan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial tidak berperanan sebagai pengantara dalam hubungan antara penglibatan remaja di Kafe@TEEN dengan kemakmuran berikutan kedua-dua analisis kesan tidak langsung menunjukkan nilai silang kepercayaan berada pada nilai sifar. Dapatan kajian menunjukkan kepentingan penglibatan dalam pusat remaja luar waktu persekolahan seperti pusat remaja Kafe@TEEN kepada kemakmuran. Kajian ini menyumbang kepada perkembangan teori kesejahteraan dengan menonjolkan peranan penglibatan aktiviti masa senggang di luar waktu persekolahan yang lebih jelas dan spesifik kepada kemakmuran. Manakala dari segi praktis pula, golongan remaja haruslah digalakkan untuk lebih banyak melakukan aktiviti masa senggang di luar waktu persekolahan khususnya di pusat remaja Kafe@TEEN bagi meningkatkan kemakmuran remaja. Hal ini perlu turut disokong dengan dorongan ibu bapa dan inisiatif pihak kerajaan untuk memperbanyakkan pusat remaja seumpama ini. Lebih banyak kajian pada masa akan datang, perlu dijalankan bagi melihat lain-lain faktor yang dapat menyumbang kepada kemakmuran golongan remaja khususnya dalam konteks aktiviti di luar waktu persekolahan.

**THE ASSOCIATION BETWEEN THE ADOLESCENT'S
INVOLVEMENT IN OUTSIDE-SCHOOL-HOUR ADOLESCENT CENTRES
AND FLOURISHING: A CASE STUDY OF KAFE@TEEN AT PULAU
PINANG**

ABSTRACT

One of the government's initiatives to help the adolescents to develop better is through the establishment of outside-school-hour adolescent centres such as Kafe@TEEN. These centres have the potential to promote flourishing among adolescents but their effectiveness have not been studied widely. Hence, this study was conducted to investigate the relationship between the adolescent's involvement in outside-school-hour adolescent centres with flourishing by focussing on Kafe@TEEN in Pulau Pinang as a case study. In addition this study also examined the relationship between creative activities, social connectedness and flourishing. The purpose is to test the role of creative activities and social connectedness as mediators in the relationships between the involvement in outside-school-hour adolescent's centre with flourishing. The data of the study was collected through cross-sectional technique using questionnaires. The questionnaires distributed to the respondents consisted of five parts: demography, involvement in Kafe@TEEN, engagement in creative activities, social connectedness, and flourishing. There are 132 members of the Kafe@TEEN aged between 13 to 18 years old participated in the study. They were selected through purposive sampling. The findings show a low and significant correlation between the involvements in Kafe@TEEN and flourishing. However, the relationship between creative activities and flourishing is not consistent with the past studies as there was no significant relationship that can be observed between the two

variables. Consistent with previous studies, there was a significant relationship between social connectedness and flourishing. The findings also indicate that creative activities and social connectedness were not significant mediators in the relationship between involvement of adolescents in Kafe@TEEN and flourishing as both indirect effect analysis showed that the confidence intervals included zero. The findings of this study highlight the importance of involvement in outside-school-hour adolescents centres in contributing to flourishing. The study contributes to the development of well-being theories by highlighting the more specific role of involvement in outside-school-hour adolescent centres in flourishing. From a practical perspectives, adolescents should be encouraged to be involved in more outside-school-hour activities, especially related to adolescent centres such as as Kafe@TEEN as part of the effort to increase their flourishing. This should be supported by parents' and government's initiatives to establish more of such centres. More research should be conducted in the future to investigate other factors that can contribute to the flourishing of adolescents, especially in the context of outside-school-hour activities.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan pengenalan kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional dan konseptual.

1.2 Pengenalan

Positif psikologi merupakan cabang baru dalam dunia psikologi yang telah dipelopori oleh Martin Seligman sekitar tahun 1990. Pada asalnya, Martin Seligman selaku bapa kepada bidang ini menekankan persoalan tentang bagaimanakah kebahagiaan atau kepuasan hidup dapat dicapai. Persoalan ini telah dijawab melalui penjelasan teori kebahagiaan tulen oleh Seligman (2002) yang menyenaraikan tiga komponen utama untuk mencapai kebahagiaan iaitu emosi yang positif, penglibatan dan makna dalam kehidupan. Namun, Seligman merasakan terdapat kelemahan pada teori ini dan telah menukar hala tuju bidang positif psikologi daripada kebahagiaan kepada kemakmuran pada tahun 2011.

Kemakmuran merujuk kepada rangkuman kepelbagaian konstruk psikologi positif dan menawarkan perspektif yang lebih meluas dalam mendefinisikan apa yang dimaksudkan untuk merasa baik dan gembira. Kemakmuran juga adalah sesuatu yang lebih meluas daripada definisi mudah kebahagiaan atau kesejahteraan. Seiring dengan hala tuju baru bagi bidang positif psikologi, teori kesejahteraan PERMA telah diperkenalkan. Terdapat lima elemen utama dalam teori kesejahteraan PERMA iaitu emosi yang positif, penglibatan, hubungan yang baik, makna dan pencapaian.

Seligman (2011), menyatakan kemakmuran adalah hasil daripada perhatian penuh yang diberikan dalam usaha membina dan mengekalkan aspek-aspek model PERMA. Setiap elemen dalam model PERMA menyumbang kepada kesejahteraan namun tidak mentafsirkan kesejahteraan. Peningkatan aplikasi elemen-elemen ini akan meningkatkan kesejahteraan seterusnya meningkatkan kemakmuran. Sebagai contoh, apabila individu tersebut berjaya mencapai matlamat yang disasarkan (pencapaian), mempunyai hubungan yang baik dengan orang yang sekeliling (hubungan yang baik) dan sering melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan yang digemari (makna) perkara ini akan meningkatkan kemakmuran individu tersebut. Kebanyakan konsep teori kesejahteraan adalah selari (*interchangeable*) dengan konsep kemakmuran (Witten, Savahl & Adams, 2019).

Kajian ini memfokuskan mengkaji tentang kemakmuran. Terdapat empat pengkaji utama yang membincangkan konsep kemakmuran secara lebih mendalam iaitu Martin Seligman, Corey Keyes, Huppert dan So dan Diener et al. Namun begitu, kajian ini membincangkan konsep kemakmuran yang diutarakan oleh Martin Seligman melalui teori kesejahteraan (*well-being theory*). Teori kesejahteraan Seligman (2011) telah diadaptasi dan dikembangkan khusus kepada golongan remaja oleh Kern et al. (2016). Oleh itu, perkara ini adalah seiring dengan skop kajian ini yang mengkaji kemakmuran dalam kalangan remaja.

Zaman remaja merupakan fasa peralihan daripada zaman kanak-kanak dan mereka cenderung untuk mencuba sesuatu yang baru (Yahya, Latif, Hashim, & Boon, 2006). Kajian-kajian mengenai kemakmuran di kalangan remaja lebih banyak dijalankan di luar negara berbanding di dalam negara. Berdasarkan Indeks Belia Malaysia (2015) dan Indeks Belia Malaysia (2016), tahap kemakmuran remaja di Malaysia (15 hingga 18 tahun) berada pada tahap sederhana. Oleh itu, lebih banyak

kajian perlu dijalankan dalam usaha memahami langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan kemakmuran di kalangan remaja di Malaysia.

Beberapa faktor yang berpotensi menyumbang ke arah peningkatan kemakmuran di kalangan remaja telah dikenalpasti. Antaranya ialah aktiviti masa senggang, aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial. Ahmad Sokhaily dan Ahmad (2019), menyatakan aktiviti masa senggang ialah aktiviti yang melibatkan hobi dan di luar persekolahan. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa penglibatan remaja dengan aktiviti masa senggang meningkatkan kemakmuran atau dengan erti kata lain semakin tinggi penglibatan remaja dengan aktiviti masa senggang semakin makmur remaja tersebut. Dalam kajian ini, aktiviti masa senggang yang dikaji fokus kepada penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan iaitu pusat remaja Kafe@TEEN.

Sementara itu, Conner et al. (2016) pula mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran. Contoh aktiviti-aktiviti kreatif yang dimaksudkan ialah seperti aktiviti melukis/melakar, mewarna, mereka cipta, mencuba resepi masakan yang baru dan membuat persembahan muzikal. Keterlibatan remaja dengan aktiviti-aktiviti kreatif ini menyumbang kepada peningkatan emosi yang positif yang membawa kepada peningkatan kemakmuran individu. Faktor ketiga yang dilihat mampu menyumbang kepada kemakmuran di kalangan remaja ialah keterikatan sosial. Secara kasar, keterikatan sosial merujuk kepada sejauh mana individu merasakan diri mereka dekat atau terkait dengan orang lain (Lee & Robbins, 1995). Eraslan-Capan (2016), di dalam kajiannya mendapati bahawa keterikatan sosial merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kemakmuran. Potensi aktiviti masa senggang, aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial dalam menyumbang kepada kemakmuran remaja dikaji dalam kajian ini.

Bagi memahami secara lebih spesifik mengenai bagaimana faktor-faktor yang dibincangkan di atas menyumbang kepada kemakmuran, satu kajian yang berfokuskan kepada pusat remaja Kafe@TEEN di Pulau Pinang dijalankan. Pusat remaja Kafe@TEEN memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan bagi menjalankan kajian ini berdasarkan pusat remaja ini dikhaskan untuk golongan remaja, memberi peluang kepada remaja melakukan aktiviti-aktiviti kreatif semasa penglibatan remaja di pusat tersebut dan turut memberi peluang kepada remaja untuk berinteraksi dengan rakan-rakan lain yang turut mengunjungi pusat tersebut. Di samping itu, memandangkan pusat remaja Kafe@TEEN adalah satu institusi remaja yang besar dan menjadi satu tumpuan aktiviti remaja di lokasi-lokasi tertentu, Kafe@TEEN adalah satu platform terbaik untuk menguji teori-teori kesejahteraan remaja. Selain dari itu, populariti pusat remaja Kafe@TEEN sebagai pusat aktiviti remaja memberikan implikasi bahawa satu kajian penilaian harus dibuat bagi tujuan penambakan dan sebagainya. Statistik keberkesanan Kafe@TEEN dalam membantu perkembangan remaja belum pernah dikaji sejak ditubuhkan mengukuhkan pemilihan Kafe@TEEN sebagai tempat kajian.

Kajian ini bertujuan untuk lebih memahami dan mendalami faktor-faktor aktiviti masa senggang, aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial yang mampu menyumbang ke arah peningkatan kemakmuran di kalangan remaja dengan menggunakan pusat remaja Kafe@TEEN sebagai platform kajian. Maka, kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran, mengkaji hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran, mengkaji hubungan antara keterikatan sosial dan kemakmuran dan mengenal pasti peranan aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial sebagai pengantara di dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu

persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan Indeks Belia Malaysia (2015), dilaporkan bahawa tahap kesejahteraan remaja yang berusia 15 sehingga 18 tahun berada pada tahap sederhana dengan skor 69.44 (Mohd Yusof et al., 2015). Kemudian, Indeks Belia Malaysia (2016) turut mendapati tahap kesejahteraan remaja (15 hingga 18 tahun) masih berada pada tahap sederhana dengan skor 70.84 (Shariff et al., 2016). Walaupun terdapat peningkatan skor tahap kesejahteraan remaja pada tahun 2016 berbanding tahun 2015, namun peningkatan itu amatlah sedikit iaitu sebanyak 1.4 skor. Kajian Indeks Belia Malaysia telah dijalankan oleh Insitut Penyelidikan Pembangunan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Dapatan kajian ini, menunjukkan golongan remaja perlu dibantu bagi meningkatkan tahap kesejahteraan mereka ke tahap yang optimum bagi melahirkan generasi yang makmur. Lebih banyak kajian mengenai kemakmuran remaja di Malaysia harus dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang berpotensi menyumbang kepada kepada peningkatan kemakmuran di kalangan remaja di Malaysia.

Keperluan bagi memperbanyakkan kajian mengenai kemakmuran di kalangan remaja di Malaysia juga adalah kerana kebanyakan kajian-kajian terkini tentang remaja di Malaysia lebih berfokuskan kepada pengalaman-pengalaman negatif remaja. Antara kajian-kajian terkini yang memfokuskan kepada pengalaman-pengalaman negatif remaja ialah kajian yang mengkaji faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial (Abu Bakar & Hamzah, 2019), mengkaji tentang buli siber daripada aspek ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja di Malaysia

(Shaari & Kamaluddin, 2019), mengkaji tentang kesan ketagihan skrin media sosial dalam kalangan remaja (Noor Din & Isam, 2019), mengkaji tentang masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja sekolah (Ashaari, 2019) dan mengkaji tentang kadar prevalens kemurungan dan cubaan bunuh diri dalam kalangan remaja di Malaysia (Abdul Kadir et al., 2018). Walaupun kajian-kajian yang dibincangkan di atas penting, tetapi ianya tidak memberi gambaran keseluruhan tentang pengalaman remaja. Justeru, lebih banyak kajian yang memfokuskan kepada sudut positif remaja juga penting untuk dikaji bagi melihat pengalaman-pengalaman positif remaja.

Antara salah satu aspek penting dalam melahirkan remaja-remaja yang positif ialah tentang bagaimana golongan remaja mengisi masa mereka iaitu samada dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah atau sebaliknya terutamanya ketika masa lapang atau masa senggang. Menurut Indeks Belia Malaysia (2015), pengisian masa senggang remaja yang berkualiti penting bagi melahirkan remaja yang positif (Mohd Yusof et al., 2015). Seiring dengan itu, pernyataan di atas turut disokong oleh dapatan kajian-kajian daripada White et al. (2018), Ahmad Sokhaily dan Ahmad (2019), Ahmad, Ahmad dan Awang (2019) dan Badura et al. (2018) yang mendapati terdapat hubungan yang positif di antara aktiviti masa senggang dan kemakmuran. Ini menjelaskan penglibatan remaja semasa masa senggang berpotensi besar dalam mempengaruhi kemakmuran remaja. Oleh itu, lebih banyak kajian yang mengkaji tentang hubungan antara aktiviti masa senggang dengan kemakmuran dalam kalangan remaja perlu dilakukan bagi membantu memahami bagaimana aktiviti masa senggang boleh membantu dalam meningkatkan kemakmuran di kalangan remaja dan mendorong kepada peningkatan tahap penglibatan remaja semasa masa senggang pada masa akan datang.

Aktiviti masa senggang yang paling kerap dilakukan oleh golongan remaja di Malaysia ialah menonton televisyen iaitu kekerapan sebanyak 86.7% (Shariff et al., 2016). Namun, dapatan kajian Conner et al. (2016) mendapati bahawa aktiviti-aktiviti kreatif seperti melukis/melakar, mewarna, mereka cipta, mencuba resepi masakan yang baru dan membuat persembahan muzikal menyumbang kepada peningkatan kemakmuran golongan remaja kalangan remaja. Namun begitu, hanya kajian Conner et al. (2016) secara spesifik melihat kaitan di antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran. Oleh itu, kaitan antara dua perkara ini harus dikaji secara lebih mendalam bagi membantu memberi kefahaman yang lebih jelas tentang perkara ini terutamanya daripada perspektif Malaysia

Seterusnya, terdapat kajian di Malaysia dan luar negara yang mengkaji hubungan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran dan kebanyakan dapatan konsisten mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara keterikatan sosial dengan kemakmuran. Senario ini menggambarkan bahawa keterikatan sosial antara faktor dominan dalam menyumbang ke arah kemakmuran dan perlu terus dikaji dalam usaha memahami bagaimana keterikatan sosial dapat membantu remaja di Malaysia untuk meningkatkan kemakmuran pada masa akan datang.

Dalam usaha memperbanyakkan kajian tentang kemakmuran di Malaysia dan berusaha memahami faktor-faktor aktiviti masa senggang, aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial berpotensi membantu golongan remaja semakin makmur berdasarkan tahap keterlibatan yang optimum, salah satu usaha kerajaan dalam melahirkan remaja yang berkembang dengan sihat ialah pusat remaja Kafe@TEEN. Pusat remaja ini dilihat sebagai sebagai satu platform yang tepat untuk menjalankan kajian mengenai kemakmuran di kalangan remaja kerana ianya merupakan sebuah pusat khusus untuk remaja yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan, dikunjungi remaja

semasa masa senggang dan kebiasaanya selepas sesi persekolahan, terdapat aktiviti-aktiviti kreatif yang boleh dilakukan remaja semasa terlibat di pusat itu dan remaja berpeluang berinteraksi bersama rakan-rakan di pusat tersebut.

Tiada statistik mengenai keberkesanan pelaksanaan di pusat remaja Kafe@TEEN diukur dalam usaha mereka membantu remaja berkembang dengan sihat walaupun hampir 14 tahun telah ditubuhkan, dan telah berjaya mendekati ramai golongan remaja iaitu seramai 563, 108 remaja melalui program turun padang (outreach programme), seramai 383, 710 remaja melalui program yang dianjurkan, seramai 6,064 bagi perkhidmatan kaunselling, seramai 20,353 remaja bagi perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seramai 317,657 remaja bagi program pendidikan (Bernama, 2016, 17 Julai). Encik Ramli Sahabudin, Pengarah LPPKN Kuala Lumpur dan Putrajaya menyatakan bahawa Kafe@TEEN adalah tempat yang berstruktur dan selamat pada golongan remaja agar mereka dapat berkembang sebagai dewasa yang baik (Tariq, 2017, 4 April). Oleh yang demikian, pengkaji tertarik bagi menjalankan kajian di pusat remaja Kafe@TEEN dalam memahami faktor-faktor yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan kemakmuran di kalangan remaja.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian adalah:

1.4.1 Mengkaji hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran.

1.4.2 Mengkaji hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran.

1.4.3 Mengkaji hubungan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran.

1.4.4 Mengenal pasti peranan aktiviti-aktiviti kreatif sebagai pengantara dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran.

1.4.5 Mengenal pasti peranan keterikatan sosial sebagai pengantara dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian yang diberi tumpuan dalam kajian ini ialah:

1.5.1 Apakah hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran?

1.5.2 Apakah hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran?

1.5.3 Apakah hubungan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran?

1.5.4 Apakah peranan aktiviti-aktiviti kreatif dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran?

1.5.5 Apakah peranan keterikatan sosial dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran, mengkaji hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dan mengkaji hubungan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran. Selain itu, peranan aktiviti-aktiviti kreatif yang dijalankan di Kafe@TEEN dan keterikatan sosial sebagai pengantara turut dikaji dalam hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang melibatkan seramai 132 orang remaja yang terlibat di pusat remaja Kafe@TEEN di Pulau Pinang manakala kajian rintis melibatkan seramai 30 orang remaja. Skop kajian ini merangkumi remaja yang telah mendaftar sebagai ahli atau dikenali sebagai sahabat Kafe@TEEN, Pulau Pinang yang berusia antara 13 hingga 18 tahun yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agar tidak berlaku bias.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini menyenaraikan beberapa kepentingan kajian. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian mengenai penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan iaitu Kafe@TEEN kurang dijalankan. Selain itu, kajian mengenai bagaimana aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial berupaya menyumbang kepada kemakmuran turut kurang dijalankan. Lantas, dapatan kajian ini akan menyumbang lebih banyak kefahaman tentang perkara ini.

Pusat remaja Kafe@TEEN merupakan satu usaha kerajaan dalam membantu remaja melalui fasa remaja dengan sihat. Seiring dengan itu, kajian ini bertindak

menyokong inisiatif ini dengan memahami bagaimana aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa penglibatan remaja di pusat ini mampu menyumbang kepada kemakmuran dan melahirkan remaja yang positif.

Maklumat yang didapati tentang keberkesanan pusat remaja secara umum atau pusat remaja Kafe@TEEN secara spesifik akan membantu kerajaan dalam mempertimbangkan untuk menubuhkan lebih banyak pusat remaja atau meningkatkan kualiti pusat remaja sedia ada.

1.8 Definisi Konseptual

1.8.1 Remaja

Istilah remaja berasal daripada perkataan latin *adoles-cere* yang bermaksud berkembang atau bertambah matang (Ismail & Majid, 2004). Istilah remaja juga turut dikenali sebagai awal belia, anak muda atau orang muda. Manakala, jika difahami melalui perspektif psikologi, remaja adalah suatu bentuk transformasi atau peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa (Ismail & Majid, 2004). Namun begitu, terdapat pelbagai kategori umur remaja berdasarkan pelbagai sumber. World Health Organization (2017), mengkategorikan usia remaja ianya lebih sesuai dikategorikan berdasarkan perubahan biologi seperti mencapai akil baligh. Ini kerana jika kategori umur dinilai berdasarkan perubahan sosial ianya akan dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Berdasarkan Teori Psikososial yang diasaskan oleh Erik Erikson, beliau menyatakan usia bagi remaja ialah antara 13 sehingga 18 tahun dan pada usia ini mereka mengalami krisis identiti versus kekeliruan peranan di mana timbul persoalan di dalam diri remaja tentang siapa diri mereka (Erikson, 1963). Fasa sebagai remaja juga dapat disimpulkan sebagai tempoh percubaan. Ketika ini, remaja akan gemar untuk mencuba sesuatu yang baru dalam mencari identiti diri mereka (Yahya et

al., 2006). Dalam kajian ini, fasa remaja didefinisikan sebagai individu yang berusia 13 sehingga 18 tahun.

1.8.2 Pusat remaja Kafe@TEEN

Pusat remaja Kafe@TEEN merupakan pusat interaktif remaja atau dikenali sebagai “one-stop centre” yang atau pusat transit selepas tamat waktu persekolahan yang telah ditubuhkan pada November 2005 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ("Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara," 2014). Pusat remaja ini telah ditubuhkan berlandaskan tiga objektif utama. Objektif pertama ialah membantu remaja meningkatkan tahap kesihatan dari aspek fizikal, mental dan sosial. Seterusnya, objektif kedua ialah membantu remaja menyemai nilai-nilai murni terhadap perkembangan kesihatan diri dan sosial. Akhir sekali, objektif ketiga penubuhan kafe@TEEN ialah membantu remaja menyemai sikap-sikap positif terhadap perkembangan kesihatan diri, sosial, fizikal dan mental. Secara amnya, pusat remaja Kafe@TEEN ini merupakan salah satu usaha dalam membantu remaja yang berusia 13 hingga 24 tahun menempuhi alam remaja secara sihat ("Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara," 2014).

Terdapat pelbagai perkhidmatan, fasiliti dan aktiviti yang ditawarkan di Kafe@TEEN. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah perkhidmatan kaunseling individu dan kelompok serta pelbagai jenis ujian psikologi yang akan dikendalikan oleh pegawai psikologi LPPKN. Selain itu, pemeriksaan kesihatan seperti pengurusan berat badan, masalah mental, dermatologi, kesihatan reproduktif dan perkhidmatan mengenai kaedah untuk berhenti merokok yang dikendalikan oleh pegawai perubatan,

pembantu pegawai perubatan dan jururawat turut ditawarkan. Seiring dengan konsep santai yang ditonjolkan oleh Kafe@TEEN, fasiliti yang disediakan adalah mesra dengan jiwa remaja seperti televisyen, gimnasium, permainan dalaman seperti ping pong, sahiba, congkak dan lain-lain, alat muzik, alat sukan, bilik untuk ulangkaji secara berkumpulan atau individu, pantri dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Kafe@TEEN telah dikendalikan oleh “Teen Educator” yang terlatih oleh LPPKN. Antara aktiviti-aktivitinya ialah ceramah mengenai kesihatan reproduktif remaja, kem jati diri, “Teen talk”, sukan dan lain-lain lagi ("Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara," 2014).

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menyediakan modul khas dalam pelaksanaan Kafe@TEEN. Modul khas yang disediakan ialah modul cakna diri dan modul kesejahteraan hidup. Modul Cakna Diri memfokuskan kepada tiga komponen iaitu kesihatan reproduktif, teknik penangguhan dan penolakan seks, dan seks selamat. Manakala, modul kesejahteraan hidup memfokuskan kepada seks dan jantina, keluarga, pembangunan kemahiran dan hidup tanpa keganasan. Informasi modul-modul ini akan disalurkan kepada para remaja melalui ceramah yang disampaikan oleh “Teen Educator”. Sejak kafe@TEEN ditubuhkan hingga kini, terdapat sebanyak 14 buah kafe@TEEN di seluruh Malaysia ("Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara," 2014). Jadual 1.1 di bawah menunjukkan jumlah kafe@TEEN mengikut negeri di Malaysia:

Jadual 1.1 Jumlah Kafe@TEEN mengikut negeri di Malaysia

Negeri	Jumlah
Kuala Lumpur	3
Negeri Sembilan	1
Johor	3
Pulau Pinang	2
Kelantan	1
Melaka	1
Pahang	1
Kedah	1
Sabah	1

1.8.3 Penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang

Penglibatan bermaksud perihal melibatkan diri dalam sesuatu perkara (Tajudin & Tajuid, 2016). Penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang merujuk kepada salah satu aktiviti masa senggang yang dijalankan oleh golongan remaja.

1.8.4 Kemakmuran (*flourishing*)

Gaffney (2011), menyatakan bahawa kemakmuran adalah senario di mana setiap individu pasti mempunyai keinginan atau naluri untuk berkembang maju, bertenaga dan mempunyai pencapaian diri pada tahap yang tertinggi. Apabila kita mencapai ciri-ciri tersebut kita pasti akan berasa gembira, berada dalam keadaan yang baik dan merasa tenang. Selain itu, definsi kemakmuran ditakrifkan sebagai bukan hanya sekadar berkembang tetapi berkembang dengan baik, berkembang maju, untuk berjaya dan hidup dengan penuh makna (Ehrenfeld & Hoffman, 2013). Toon (2014), pula menyatakan kemakmuran ialah apabila kita mempunyai kehidupan yang mewah iaitu suasana kehidupan yang penuh kasih sayang, gembira, belajar tentang dunia yang mengangumkan dan kompleks di mana kita akan menemukan diri kita.

Seterusnya, Keyes (2007) menyatakan bahawa kemakmuran merangkumi tiga komponen iaitu kesejahteraan emosi iaitu mempunyai perasaan yang positif, kesejahteraan sosial iaitu dihargai oleh orang sekeliling dan berhubung dengan masyarakat dan kesejahteraan psikologi. Keyes (2007), juga mengkategorikan orang yang makmur sebagai berada dalam keadaan yang baik, berhubung dengan baik dan berfungsi dengan baik. Jika sebaliknya akan dikategorikan sebagai merana atau mempunyai kesihatan mental yang sederhana. Kemakmuran adalah yang bertentangan dengan simptom-simptom episod kemurungan utama (*Major Depressive Episode*), episod kemurungan (*Depressive episode*) atau gangguan kebimbangan umum (*Generalised Anxiety Disorder*) (Huppert & So, 2013). Huppert dan So (2013) pula, mendefinisikan kemakmuran sebagai yang bertentangan dengan simptom-simptom penyakit mental dan menyenaraikan sepuluh ciri positif bagi klasifikasi makmur iaitu kecekapan, kestabilan emosi, penglibatan, makna, optimis, emosi yang positif, hubungan yang positif, daya tahan, harga diri dan daya hidup. Manakala, Diener et al. (2010), mentakrifkan kemakmuran sebagai aspek penting dalam kesejahteraan dan berkait rapat dengan penguasaan dan keupayaan. Individu yang makmur adalah individu yang mempunyai pelbagai sumber dan kekuatan psikologi (Diener et al., 2010). Akhir sekali, Seligman (2011) menjelaskan bahawa kemakmuran adalah berasaskan lima perkara iaitu emosi yang positif, penglibatan, hubungan yang positif, makna dan pencapaian yang menyumbang kepada kesejahteraan.

1.8.5 Aktiviti-aktiviti kreatif

Sodhi (2006), menyatakan aktiviti-aktiviti yang kreatif mempunyai makna yang luas dan bergantung kepada bidang dan tindakan yang melibatkan emosi dan akal. Apa-apa tindakan konstruktif dalam mana-mana bidang dikenali sebagai aktiviti, tetapi apabila ianya digabungkan dengan idea, inovasi dan mencipta sesuatu yang baru

ini dinamakan sebagai aktiviti-aktiviti yang kreatif (Sodhi, 2006). Selain itu, aktiviti-aktiviti kreatif juga adalah apa-apa aktiviti yang mencabar (Fisher & Williams, 2012). Mayesky (2015), pula menyatakan aktiviti-aktiviti kreatif sebagai aktiviti-aktiviti yang bersistem di mana pelaksanaannya melibatkan kebolehan peribadi untuk mencipta sistem yang baru dan berguna, memperbaiki yang sedia ada dan menyingkirkan benda yang membahaya. Proses aktiviti-aktiviti yang kreatif adalah kombinasi pengetahuan sedia ada dan idea bagi menghasilkan sesuatu yang baru dan unik (Mayesky, 2015). Aktiviti-aktiviti kreatif juga berbeza antara individu (Rao, 2002). Antara contoh-contoh aktiviti kreatif ialah menjahit, mengait, mewarna, menghias, mencipta sajak atau syair, berkebun, menari, menulis, menghias kek dan lain-lain lagi (Creek & Lougher, 2008).

1.8.6 Keterikatan sosial (*social connectedness*)

Keterikatan sosial merujuk kepada hubungan (*relationship*) individu dengan orang lain (The Social Report, 2005). Keterikatan sosial juga ditakrifkan sebagai sejauh mana individu mempunyai perhubungan yang mencukupi dan pelbagai dan ianya membolehkan individu tersebut menerima dan memberi maklumat, mendapat sokongan emosi, bantuan material, mewujudkan rasa dan nilai kekitaan dan mengalakkan perkembangan ("The Full Frame Initiative," 2013). Dillon (2014), menyatakan secara ringkas bahawa keterikatan sosial ialah ikatan atau hubungan interpersonal dan penyertaan individu dalam masyarakat. The Social Report (2005) dan "The Full Frame Initiative" (2013), menyatakan bahawa keterikatan sosial merupakan elemen penting bagi kesejahteraan dan kesihatan secara keseluruhan.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Remaja

Di dalam kajian ini, golongan remaja yang difokuskan adalah kepada remaja yang telah mendaftar sebagai ahli di Kafe@TEEN, Pulau Pinang atau dikenali sebagai sahabat Kafe@TEEN. Mereka berusia antara 13 tahun sehingga 18 tahun dan terdiri daripada pelbagai latar belakang.

1.9.2 Pusat remaja Kafe@TEEN

Pusat remaja Kafe@TEEN ialah pusat bagi mereka yang berusia 13 tahun sehingga 24 tahun dan menawarkan pelbagai perkhidmatan, fasiliti dan aktiviti dalam membantu para remaja berkembang dengan sihat. Kajian ini akan dijalankan di pusat remaja Kafe@TEEN, Pulau Pinang. Pusat remaja Kafe@TEEN, Pulau Pinang mempunyai dua buah cawangan iaitu pusat Remaja Kafe@TEEN, Bertam dan pusat remaja Kafe@TEEN, Jalan Burmah. Kajian semasa melibatkan kedua-dua buah cawangan tersebut.

1.9.3 Penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang

Di dalam kajian ini, penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dikaji. Penglibatan remaja di pusat ini adalah merupakan salah satu daripada aktiviti masa senggang kerana ianya merupakan penglibatan luar waktu persekolahan. Remaja yang melibatkan diri dengan pusat remaja Kafe@TEEN merujuk kepada mereka yang mendaftar sebagai ahli atau sahabat Kafe@TEEN, Pulau Pinang, mengunjungi Kafe@TEEN, Pulau Pinang dan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh

Kafe@TEEN, Pulau Pinang. Penglibatan ini diukur berdasarkan kekerapan remaja terlibat dengan pusat remaja Kafe@TEEN iaitu melalui anggaran tempoh masa mereka mendaftar sebagai ahli Kafe@TEEN dan jumlah masa mengunjungi Kafe@TEEN dalam sebulan.

1.9.4 Kemakmuran

Di dalam kajian ini, definisi kemakmuran ditakrifkan berdasarkan Seligman (2011). Berdasarkan Seligman (2011), kemakmuran merupakan ukuran bagi mengukur kesejahteraan dan menyumbang kepada kesejahteraan. Teori kesejahteraan yang diasaskan oleh Seligman (2011), menyatakan bahawa kemakmuran dijelaskan berdasarkan lima pekara iaitu emosi yang positif (*positive emotions*), penglibatan (*engagement*), hubungan yang positif (*relationships*), makna (*meaning*) dan pencapaian (*achievement*) yang diringkaskan melalui akronim PERMA. Fokus atau target kajian ini ialah pada golongan remaja. Seiring dengan itu, soal selidik kemakmuran dalam kajian ini telah diadaptasi daripada Kern et al.(2016) iaitu “*The EPOCH Measure of Adolescent Well-being*” yang fokus mengukur kesejahteraan dalam remaja. Kern et al. (2016), telah menyelaraskan dan mengaplikasikan model PERMA oleh Seligman (2011) kepada golongan remaja berdasarkan lima ciri-ciri positif yang dikenali sebagai akronim EPOCH. Lima ciri-ciri positif tersebut ialah:

- i. Penglibatan (*Engagement*)
 - Penglibatan merujuk kepada apabila remaja melakukan sesuatu aktiviti, mereka akan memberikan sepenuh perhatian dan tumpuan serta menikmatinya. Situasi yang dikenali sebagai situasi “aliran” terjadi apabila remaja melibatkan diri mereka sepenuhnya dalam aktiviti

tersebut atau terlalu leka atau khusyuk sehingga tidak sedar akan masa yang berlalu (Kern et al., 2016).

- ii. Ketabahan (*Perseverance*)
 - Ketabahan merujuk kepada kemampuan remaja mengharungi segala cabaran dalam mencapai matlamat yang mereka tetapkan. Mereka akan berusaha untuk menyiapkan atau menyelesaikan apa sahaja yang mereka mulakan (Kern et al., 2016).
- iii. Optimis (*Optimism*)
 - Optimis merujuk kepada remaja mempunyai keyakinan terhadap masa depan mereka. Mereka melihat perkara-pekerja negatif yang berlaku dalam hidup mereka sebagai sesuatu yang sementara dan keadaan itu akan bertambah baik (Kern et al., 2016).
- iv. Keterikatan (*Connectedness*)
 - Keterikatan merujuk kepada apabila remaja merasakan diri mereka dihargai, disayangi dan disokong oleh orang lain. Secara ringkas, keterikatan ialah remaja merasa diri mereka dekat dengan orang lain. (Kern et al., 2016).
- v. Kebahagiaan (*Happiness*)
 - Kebahagiaan merujuk kepada perasaan gembira, ceria dan merasakan kehidupan itu bermakna (Kern et al., 2016)

1.9.5 Aktiviti-aktiviti kreatif

Aktiviti-aktiviti kreatif di dalam kajian semasa merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang membawa kepada peningkatan emosi yang positif. Aktiviti-aktiviti kreatif ini dilaksanakan oleh responden atau sahabat-sahabat Kafe@TEEN apabila melibatkan

diri di Kafe@TEEN, Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti kreatif yang dimaksudkan ialah aktiviti melukis/melakar, mewarna, mereka cipta, mencuba resepi masakan yang baru dan membuat persembahan (Conner et al., 2016).

1.9.6 Keterikatan sosial

Keterikatan sosial merupakan penyumbang kepada kemakmuran (Eraslan-Capan, 2016). Alat ukur "*The Social Connectedness Scale-Revised*" oleh Lee dan Robbins (1995) telah digunakan dalam kajian ini. Lee dan Robbins (1995), menjelaskan keterikatan sosial sebagai sejauhmana individu merasakan diri mereka dekat atau terkait dengan orang lain.

1.10 Rumusan

Bab ini membincangkan arah tuju kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penglibatan remaja di pusat remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran, mengkaji hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran dan mengkaji hubungan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran. Peranan aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial sebagai pengantara di dalam hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah turut dikenal pasti. Kajian ini dikaji ke atas sahabat Kafe@TEEN, Pulau Pinang yang berumur antara 13 hingga 18 tahun. Kajian tentang pengalaman positif di kalangan remaja yang kurang diberi penekanan di Malaysia dan tiada statistik keberkesanan mengenai pusat remaja Kafe@TEEN antara fakta utama yang menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan definisi dan kajian-kajian lepas. Kajian literatur ini juga melibatkan kajian lepas yang dijalankan di luar dan dalam negara.

2.2 Konsep kemakmuran

Sekitar tahun 1990, Martin Seligman telah melopori cabang baru dalam bidang psikologi yang dikenali sebagai psikologi positif, lantas beliau telah diiktiraf sebagai bapa kepada bidang ini. Idea ke arah bidang tersebut bermula semasa Martin Seligman menjadi Presiden Persatuan Psikologi Amerika dan bermulanya persoalan tentang “Apakah perkara yang membuatkan seseorang kehidupan itu berbaloi atau bernilai dan bagaimana?” (Seligman, 2010). Oleh itu, bidang psikologi positif bertujuan untuk membina intervensi yang membuatkan seseorang kehidupan itu berbaloi atau bahagia berbanding tujuan utama bidang psikologi tradisional iaitu mengaplikasikan intervensi untuk mengurangkan kesengsaraan di dalam seseorang kehidupan (Seligman, 2010). Secara ringkasnya, psikologi positif ini bermaksud kajian mengenai kebahagiaan dan kekuatan manusia (Carr, 2013).

Seligman (2002), telah menetapkan matlamat utama psikologi positif ialah kepuasan hidup melalui teori kebahagiaan tulen (*Authentic Happiness theory*). Teori ini menekankan tiga komponen utama untuk mencapai kebahagiaan hidup iaitu emosi yang positif (*positive emotions*), penglibatan (*engagement*) dan makna kehidupan (*meaning*) (Seligman, 2002). Namun begitu, Seligman menyedari terdapat beberapa kelemahan pada matlamat bidang ini (Seligman, 2010). Kelemahannya adalah

berdasarkan Veenhoven (2006), iaitu orang ramai akan menyatakan sama ada mereka merasa puas atau tidak dengan kehidupan mereka berdasarkan perasaan mereka ketika itu (70%) dan penilaian mereka tentang kehidupan mereka (30%). Oleh itu, Seligman (2011) telah menukar hala tuju psikologi positif daripada kebahagiaan dan kepuasan hidup kepada kesejahteraan atau kemakmuran.

Menurut Seligman (2011), kemakmuran ialah berkisarkan lingkungan emosi yang positif (*positive emotions*), penglibatan (*engagement*), hubungan yang positif (*positive relationship*), makna (*meaning*), dan pencapaian (*achievement*) seperti yang dinyatakan dalam teori kesejahteraan (*well-being theory*) (Seligman, 2011). Emosi yang positif merujuk kepada perasaan yang baik seperti perasaan bahagia, seronok, gembira, dan tenang (Neutrino, 2012). Penglibatan pula ialah apabila individu terlibat secara menyeluruh dengan menumpukan sepenuh perhatian kepada aktiviti, tugas atau projek yang disukai dan situasi ini dikenali sebagai situasi aliran (Neutrino, 2012). Manakala, hubungan yang positif ialah hubungan sihat yang terjalin antara seseorang dengan yang lain seperti pasangan hidup, ahli keluarga, rakan-rakan, atau masyarakat sekeliling (Neutrino, 2012). Makna pula menjelaskan bahawa kehidupan seseorang akan lebih bermakna apabila melakukan sesuatu perkara yang bermanfaat (Neutrino, 2012). Akhir sekali, pencapaian ialah perasaan puas yang dirasakan individu apabila telah berjaya melakukan sesuatu kejayaan (Neutrino, 2012). Aplikasi kelima-lima elemen ini secara maksimum akan meningkatkan lagi kemakmuran dalam sesebuah kehidupan (Seligman, 2011).

Konsep kemakmuran ini juga turut diutarakan oleh tiga pengkaji yang lain iaitu Corey Keyes, Huppert & So dan Diener et al. Namun begitu, konsep kemakmuran yang dikemukakan oleh Seligman adalah yang terkini. Keyes (2002), mentakrifkan kemakmuran sebagai penuh dengan emosi yang positif serta berfungsi dengan efektif

daripada aspek psikologi dan sosial. Keyes dan Haidt (2003), menyatakan kemakmuran terhasil berdasarkan beberapa pekara. Pertama, kemakmuran dicapai apabila individu mempunyai kesihatan mental yang baik berdasarkan emosi yang sejahtera (Keyes & Haidt, 2003). Kedua, apabila individu merasa gembira dan berpuas hati (Keyes & Haidt, 2003). Ketiga, apabila mereka melihat kehidupan mereka sebagai kehidupan yang bermakna (Keyes & Haidt, 2003). Keempat, individu menerima keadaan diri mereka seadanya (Keyes & Haidt, 2003). Kelima, kehidupan individu mestilah berkembang dan mempunyai perubahan dari masa ke semasa (Keyes & Haidt, 2003). Akhir sekali, mereka mempunyai lokus kawalan dalaman yang bermaksud mereka boleh mengawal dan menentukan nasib kehidupan mereka (Keyes & Haidt, 2003).

Huppert dan So (2009) pula, menjelaskan kemakmuran ialah kombinasi perasaan yang baik yang berfungsi secara efektif dan berkesan. Dalam kajiannya, Huppert dan So (2009) telah menggunakan *European Social Survey* (ESS) bagi mengukur kemakmuran. Antara elemen yang digunakan untuk mengukur kemakmuran ialah emosi yang positif, penglibatan, hubungan yang positif, makna, kebolehan, emosi yang stabil, kekuatan, optimis, ketahanan dan keyakinan diri. Ringkasnya, kemakmuran adalah salah satu cara untuk membangunkan kesejahteraan (Huppert & So, 2009). Bagi Diener et al. (2009) pula, *Flourishing Scale* telah digunakan bagi mengukur kemakmuran. Di dalam ukuran tersebut, terdapat 8 pekara yang diukur iaitu penglibatan, hubungan yang positif, makna dan tujuan, kebolehan, sumbangan kepada orang lain, optimis, penerimaan diri, dan hormat (Diener et al., 2009).

Berdasarkan keempat-empat konsep kemakmuran yang telah dibincangkan terdapat persamaan dan perbezaan antara konsep-konsep tersebut. Terdapat dua

persamaan utama yang dipersetujui oleh kesemua konsep tersebut. Pertama, kemakmuran merujuk kepada tahap kesejahteraan yang tinggi (Hone, Jarden, Schofield, & Duncan, 2014). Kedua, kemakmuran tidak boleh diukur dengan hanya satu aspek sahaja atau dengan erti kata lain harus diukur dengan pelbagai dimensi (Hone et al., 2014). Konsep kemakmuran telah diterajui oleh Keyes dan konsep ini telah dikembangkan dan diapdatasi oleh tiga pengkaji yang lain iaitu Huppert & So, Diener et al. dan Seligman. Oleh itu, perkara ini menjadi penyumbang kepada persamaan atau pertindihan antara konsep-konsep tersebut. Lanjutan itu, satu kajian Sovereign Wellbeing Index (SWI) telah dijalankan ke atas 10 009 orang penduduk New Zealand yang berusia antara 18 sehingga 111 tahun. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara keempat-empat konsep kemakmuran tersebut (Hone et al., 2014). Hasil kajian menunjukkan peratusan persamaan antara konsep-konsep tersebut berdasarkan analisis jadual persilangan seperti di dalam Jadual 2.1 berikut:

Jadual 2.1 Peratusan persamaan antara empat konsep kemakmuran yang berbeza

Peratus (%)	Keyes	Huppert & So	Diener et al.	Seligman
Keyes	100	78	77	81
Huppert & So	78	100	75	74
Diener et al.	77	75	100	80
Seligman	81	74	80	100

(Hone et al., 2014)

Jadual 2.1 di atas menunjukkan persamaan peratusan konsep kemakmuran yang berbeza. Nilai peratus yang ditunjukkan adalah nilai persamaan dimensi yang dianalisis di antara konsep-konsep kemakmuran yang berbeza. Nilai peratus persamaan Keyes dan Seligman ialah sebanyak 81 peratus. Hal ini menunjukkan, persamaan dimensi antara Keyes dan Seligman adalah sebanyak 81 peratus. Bagi nilai peratus persamaan antara Diener dan Seligman pula ialah 80 peratus. Manakala,